



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

**Akta 808**

**AKTA LAGU KEBANGSAAN 1968**

(Disemak — 2018)

DISEMAK OLEH  
PESURUHIAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA  
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968  
2018

**AKTA LAGU KEBANGSAAN 1968**

Disemak sehingga ... .. 15 Oktober 2018

Tarikh penyiaran dalam *Warta*  
bagi edisi semakan ini ... .. 1 November 2018

Tarikh yang ditetapkan untuk mula  
berkuat kuasanya edisi semakan ini  
menurut perenggan 6(1)(xxiii) Akta  
Penyemakan Undang-Undang 1968 ... .. 1 November 2018  
[*Akta 1*]

---

Pertama kali diperbuat dalam tahun 1968 sebagai  
Akta Parlimen No. 20 tahun 1968

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 808

### AKTA LAGU KEBANGSAAN 1968

---

#### SUSUNAN SEKSYEN

---

##### Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Memainkan versi penuh Lagu Kebangsaan
4. Memainkan versi ringkas
5. Memainkan versi pendek
6. Memainkan Lagu Kebangsaan pada peristiwa khas
7. Menyanyi Lagu Kebangsaan
8. Tanda hormat
9. Menangkap tanpa waran
10. Pindaan Jadual

##### JADUAL



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 808

### AKTA LAGU KEBANGSAAN 1968

Suatu Akta yang berhubungan dengan Lagu Kebangsaan Malaysia.

[4 April 1968]

#### **Tajuk ringkas dan pemakaian**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lagu Kebangsaan 1968.
- (2) Akta ini terpakai di seluruh Malaysia.

#### **Tafsiran**

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Lagu Kebangsaan” ertinya Lagu Kebangsaan Malaysia iaitu gubahan yang mengandungi perkataan dan muzik yang dinyatakan dalam Jadual;

“versi pendek” ertinya versi pendek Lagu Kebangsaan yang dinyatakan dalam Jadual;

“versi ringkas” ertinya versi ringkas Lagu Kebangsaan yang dinyatakan dalam Jadual.

#### **Memainkan versi penuh Lagu Kebangsaan**

3. (1) Versi penuh atau versi Diraja Lagu Kebangsaan hendaklah dimainkan pada peristiwa yang berikut:

(a) apabila suatu penghormatan diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong, atau Timbalan Yang di-Pertuan Agong semasa menjalankan fungsi Yang di-Pertuan Agong, atau

seorang Raja yang dilantik bagi menjalankan fungsi Yang di-Pertuan Agong mengikut Akta Yang di-Pertuan Agong (Penjalanan Fungsi) 1957 [*Akta 373*], atau apabila panji-panji diraja dikibarkan bagi melambangkan kehadiran Yang di-Pertuan Agong;

- (b) semasa perbarisan rasmi atau majlis istiadat rasmi yang lain;
- (c) pada semua peristiwa apabila Yang di-Pertuan Agong hadir sendiri (termasuk penyiaran oleh Yang di-Pertuan Agong);
- (d) apabila bendera Malaysia dibawa dalam perbarisan;
- (e) apabila panji-panji rejimen dianugerahkan;
- (f) bagi menaikkan panji-panji dalam Tentera Laut.

(2) Versi penuh atau versi Diraja Lagu Kebangsaan boleh dimainkan di sekolah bagi maksud mengajar murid-murid menyanyi Lagu Kebangsaan.

(3) Versi penuh atau versi Diraja Lagu Kebangsaan hendaklah dimainkan pada mana-mana peristiwa lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui perintah.

### **Memainkan versi ringkas**

**4.** (1) Versi ringkas hendaklah dimainkan sebagai penghormatan pada semua peristiwa rasmi kepada—

- (a) Raja Permaisuri Agong; dan
- (b) Yang di-Pertua Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.

(2) Versi ringkas hendaklah dimainkan pada mana-mana peristiwa lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui perintah.

### **Memainkan versi pendek**

5. Pada mana-mana peristiwa rasmi apabila Yang di-Pertuan Agong atau wakilnya tidak hadir tetapi salah seorang daripada Raja-Raja bagi Negeri-Negeri hadir, versi pendek hendaklah dimainkan pada masa tamatnya peristiwa itu sebaik selepas lagu kebangsaan Negeri yang berkenaan dimainkan.

### **Memainkan Lagu Kebangsaan pada peristiwa khas**

6. (1) Pada semua sambutan rasmi untuk orang kenamaan asing yang dalamnya penghormatan diberikan, versi penuh atau versi Diraja Lagu Kebangsaan hendaklah dimainkan sebaik selepas lagu kebangsaan negara pelawat kenamaan itu dimainkan.

(2) Pada semua peristiwa rasmi yang diatur oleh Perwakilan asing di Malaysia bagi merayakan Hari Kebangsaan Perwakilan asing itu atau peristiwa Kebangsaannya yang lain, versi penuh atau versi Diraja Lagu Kebangsaan hendaklah dimainkan sebaik selepas lagu kebangsaan negara Perwakilan asing itu dimainkan.

### **Menyanyi Lagu Kebangsaan**

7. Pada semua peristiwa apabila Lagu Kebangsaan dinyanyikan, versi penuh atau versi Diraja hendaklah dilafazkan.

### **Tanda hormat**

8. (1) Bilamana versi penuh atau versi Diraja Lagu Kebangsaan dimainkan atau dinyanyikan atau bilamana versi ringkas atau versi pendek dimainkan, semua orang yang hadir hendaklah berdiri sedia sebagai tanda hormat.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai jika Lagu Kebangsaan dimainkan atau dinyanyikan semasa sesuatu penyiaran atau filem berita sebagai sebahagian daripada penyiaran atau filem berita itu.

(3) Mana-mana orang yang dengan disedarinya menunjukkan

sikap tidak hormat terhadap Lagu Kebangsaan di mana-mana tempat awam boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu bulan.

(4) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) kegagalan mematuhi subseksyen (1) tanpa sebab yang baik dan mencukupi; dan
- (b) apa-apa perbuatan atau peninggalan yang berkecenderungan untuk merendahkan prestij Lagu Kebangsaan pada pandangan orang awam,

hendaklah merupakan sikap tidak hormat.

### **Menangkap tanpa waran**

**9.** Seseorang pegawai polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang melanggar seksyen 8 dalam kehadiran pegawai polis itu melainkan jika orang itu memberikan nama dan alamatnya dan memuaskan hati pegawai itu bahawa dia akan menjawab dengan sewajarnya apa-apa saman atau prosiding lain yang akan diambil terhadapnya.

### **Pindaan Jadual**

**10.** Yang di-Pertuan Agong boleh melalui perintah meminda, menggantikan atau mengubah Jadual.

---

Lagu Kebangsaan

JADUAL

[Seksyen 2]

LAGU KEBANGSAAN MALAYSIA

NEGARAKU

Maestoso ♩ = 95

3

Vocal

Piano Acc.

*mf* Ne - ga - ra -

*mf* *f* *mf*

A

6

ku Ta - nah tum - pah - nya da - reh - ku Rak - yat hi -

9

dup ber - sa - tu dan ma - ju Rah - mat bah -

12 **B** 15

gia Tu - han kur - ni - a - ka - n Ra - ja ki -

18

ta se - la - mat ber - takh - ta Rah - mat bah -

21 **C**

gia Tu - han kur - ni - a - ka - n Ra - ja ki -

24

ta se - la - mat ber - takh - ta

*gradual ritardando .....* **FINE**

- Catatan: Bagi versi penuh atau versi Diraja, dimainkan dari mula hingga akhir  
 Bagi versi ringkas, dimainkan dari mula hingga B dan disambung dari C hingga akhir  
 Bagi versi pendek, dimainkan dari C hingga akhir

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 808

## AKTA LAGU KEBANGSAAN 1968

(Disemak – 2018)

*Butir-butir di bawah perenggan 7(ii) dan (iii)  
Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [Akta 1]*

### SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U. (A) 230/1993	Perintah Lagu Kebangsaan (Pengubahsuaian Tempo) 1993	27-08-1993
P.U. (A) 313/2003	Perintah Lagu Kebangsaan (Pengubahsuaian Tempo) 2003	31-08-2003
P.U. (A) 268/2006	Perintah Lagu Kebangsaan (Pengubahsuaian Tempo) 2006	14-07-2006

---

### SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIAN-BAHAGIANNYA YANG DIGANTIKAN

No.	Tajuk
No. 20 tahun 1968	Act Lagu Kebangsaan, 1968

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 808****AKTA LAGU KEBANGSAAN 1968**

(Disemak – 2018)

## SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
Jadual	P.U. (A) 230/1993	27-08-1993
	P.U. (A) 313/2003	31-08-2003
	P.U. (A) 268/2006	14-07-2006

---

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 808

### AKTA LAGU KEBANGSAAN 1968

(Disemak – 2018)

SENARAI PINDAAN YANG DIBUAT OLEH PESURUHJAYA  
PENYEMAK UNDANG-UNDANG DI BAWAH SEKSYEN 6 AKTA  
PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968 [AKTA 1]

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
Keseluruhan Akta	1. Ejaan dikemas kini	perenggan 6(1)(xxa)
	2. Perkataan “Akta” menggantikan “Act”	perenggan 6(1)(xxa)
	3. Perkataan “versi” menggantikan “naskhah”	perenggan 6(1)(xxa)
	4. Perkataan “Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda” sebelum perkataan “Yang di-Pertuan Agong” ditinggalkan	perenggan 6(1)(iii) dan (xxi)
	5. Nota bahu menggantikan nota birai	perenggan 6(1)(xxiv)
	6. Noktah pada akhir nota bahu ditinggalkan	perenggan 6(1)(xvi)
Susunan kandungan	Susunan kandungan di bawah tajuk “SUSUNAN SEKSYEN” dimasukkan	perenggan 6(1)(vii)
Tajuk panjang	Perkataan “Suatu Akta yang berhubungan dengan Lagu Kebangsaan Malaysia” menggantikan perkataan “Act bagi membuat peruntukan berkenaan dengan Lagu Kebangsaan Persekutuan”	perenggan 6(1)(vi)
Ayat mengundang-undang	Ditinggalkan	subperenggan 6(1)(i)(f)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
seksyen 1	1. Koma sebelum perkataan “1968” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xvi)
	2. Perkataan “terpakai” menggantikan “di-pakai”	perenggan 6(1)(xv)
	3. Dibahagikan kepada subseksyen 1(1) dan (2) dengan perubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(xii), (xiii) dan (xxiv)
seksyen 2	1. Perkataan “konteksnya” menggantikan “kandongan ayat-nya”	perenggan 6(1)(iii)
	2. Perkataan “dalam Jadual” menggantikan “di dalam Jadual” di mana jua terdapat	perenggan 6(1)(xv)
	3. Dalam tafsiran “Lagu Kebangsaan”, perkataan “perkataan” menggantikan “perkataan <sup>2</sup> ”	perenggan 6(1)(xv)
subseksyen 3(1)	1. Perkataan “peristiwa” menggantikan “peristiwa <sup>2</sup> ”	perenggan 6(1)(xv)
	2. Noktah bertindih menggantikan sempang	perenggan 6(1)(xvi)
perenggan 3(1)(a)	1. Perkataan “Duli Yang Maha Mulia” sebelum perkataan “Timbalan Yang di-Pertuan Agong” ditinggalkan	perenggan 6(1)(iii) dan (xxi)
	2. Perkataan “fungsi” menggantikan “tugas <sup>2</sup> ”	perenggan 6(1)(xxa)
	3. Perkataan “Akta Yang di-Pertuan Agong (Penjalanan Fungsi) 1957 [Akta 373]” menggantikan “Ordinance (Menjalankan Tugas <sup>2</sup> ) Yang di-Pertuan Agong, 1957 [72 tahun 1957]”	perenggan 6(1)(xix)
	4. Perkataan “Yang di-Pertuan Agong” menggantikan “Seri Paduka Baginda” di akhir perenggan (a)	perenggan 6(1)(iii)
perenggan 3(1)(b)	1. Perkataan “semasa perbarisan” menggantikan “dalam masa perbarisan”	perenggan 6(1)(xv)
	2. Perkataan “majlis istiadat rasmi yang lain” menggantikan “lain <sup>2</sup> majlis isti’adat rasmi”	perenggan 6(1)(xv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
perenggan 3(1)(c)	1. Perkataan “semua” menggantikan “segala” 2. Perkataan “Yang di-Pertuan Agong” menggantikan “Seri Paduka Baginda” di akhir perenggan (c)	perenggan 6(1)(xv) perenggan 6(1)(iii)
perenggan 3(1)(e)	Perkataan “dianugerahkan” menggantikan “di-sampaikan”	perenggan 6(1)(xxa)
perenggan 3(1)(a), (e) dan (f)	Perkataan “panji-panji” menggantikan “panji <sup>2</sup> ”	perenggan 6(1)(xv)
subseksyen 3(2)	1. Perkataan “sekolah” menggantikan “sekolah <sup>2</sup> ” 2. Perkataan “murid-murid” menggantikan “murid <sup>2</sup> sekolah itu”	perenggan 6(1)(xv) perenggan 6(1)(xv)
subseksyen 3(3)	Perkataan “sebagaimana yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui perintah” menggantikan “sa-bagaimana yang di-tetapkan dengan perintah oleh Yang di-Pertuan Agong”	perenggan 6(1)(xv)
seksyen 4	Dalam nota bahu, perkataan “ <b>Lagu Kebangsaan</b> ” ditinggalkan	perenggan 6(1)(iii) dan (xxi)
perenggan 4(1)(a)	1. Perkataan “Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda” sebelum perkataan “Raja Permaisuri Agong” ditinggalkan 2. Perkataan “dan” dimasukkan selepas koma bernoktah	perenggan 6(1)(iii) dan (xxi) perenggan 6(1)(xxiv)
perenggan 4(1)(b)	Perkataan “Yang di-Pertua Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak” menggantikan “Tuan <sup>2</sup> Yang Terutama Gabenor <sup>2</sup> Melaka, Pulau Pinang dan Sarawak, dan Yang di-Pertua Negara Sabah”	perenggan 6(1)(xvii)
subseksyen 4(2)	1. Perkataan “Lagu Kebangsaan” ditinggalkan 2. Perkataan “sebagaimana yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui perintah” menggantikan “sa-bagaimana yang di-tetapkan dengan perintah oleh Yang di-Pertuan Agong”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxi) perenggan 6(1)(xv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
seksyen 5	1. Dalam nota bahu, perkataan " <b>Lagu Kebangsaan</b> " ditinggalkan	perenggan 6(1)(iii) dan (xxi)
	2. Perkataan "tetapi" menggantikan "akan tetapi"	perenggan 6(1)(xv)
	3. Perkataan "Duli <sup>2</sup> Yang Maha Mulia" sebelum perkataan "Raja-Raja" ditinggalkan	perenggan 6(1)(iii) dan (xxi)
	4. Perkataan "Negeri-Negeri" menggantikan "Negeri <sup>2</sup> Melayu"	perenggan 6(1)(iii)
	5. Perkataan "pada masa tamatnya peristiwa itu sebaik selepas lagu kebangsaan Negeri yang berkenaan dimainkan" menggantikan "pada masa tamatnya peristiwa itu selepas sahaja Lagu Kebangsaan Negeri yang berkenaan itu dimainkan"	perenggan 6(1)(xv) dan (xxiv)
seksyen 6	1. Dinomborkan semula sebagai seksyen 7	perenggan 6(1)(xii)
	2. Perkataan "dilafazkan" menggantikan "di-ucapkan"	perenggan 6(1)(xxa)
seksyen 7	1. Dinomborkan semula sebagai seksyen 6	perenggan 6(1)(xii)
	2. Dalam nota bahu, perkataan " <b>Memainkan Lagu Kebangsaan pada peristiwa khas</b> " menggantikan " <b>Memainkan Lagu luar negeri</b> "	perenggan 6(1)(xxi)
subseksyen 7(1)	1. Perkataan "semua" menggantikan "segala"	perenggan 6(1)(xv)
	2. Perkataan "orang kenamaan asing" menggantikan "pembesar <sup>2</sup> luar negeri"	perenggan 6(1)(xxa)
	3. Perkataan "yang dalamnya penghormatan diberikan" menggantikan "di-mana penghormatan di-beri"	perenggan 6(1)(xv)
	4. Perkataan "dimainkan sebaik selepas" menggantikan "di-mainkan selepas sahaja"	perenggan 6(1)(xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
	5. Perkataan “lagu kebangsaan negara” menggantikan “Lagu bagi negeri”	perenggan 6(1)(xxa)
	6. Perkataan “pelawat kenamaan” menggantikan “pembesar yang melawat”	perenggan 6(1)(xxa)
subseksyen 7(2)	1. Perkataan “semua” menggantikan “segala”	perenggan 6(1)(xv)
	2. Perkataan “diatur” menggantikan “di-adakan”	perenggan 6(1)(xv)
	3. Perkataan “Perwakilan asing” menggantikan “Perutusan <sup>2</sup> luar negeri”	perenggan 6(1)(xxa)
	4. Perkataan “di Malaysia” menggantikan “di-dalam Persekutuan”	perenggan 6(1)(iii)
	5. Perkataan “bagi merayakan Hari Kebangsaan Perwakilan asing itu atau peristiwa Kebangsaannya yang lain” menggantikan “bagi meraya-kan Hari <sup>2</sup> Kebangsaan atau lain <sup>2</sup> peristiwa Kebangsaan-nya”	perenggan 6(1)(xxa)
	6. Perkataan “versi penuh atau versi Diraja Lagu Kebangsaan hendaklah dimainkan sebaik selepas lagu kebangsaan negara Perwakilan itu dimainkan” menggantikan “naskhah penoh atau versi Diraja Lagu Kebangsaan hendak-lah di-mainkan sa-lepas sahaja Lagu bagi negeri Perutusan luar negeri itu di-mainkan”	perenggan 6(1)(xv) dan (xxiv)
subseksyen 8(1)	1. Perkataan “Bilamana versi penuh atau versi Diraja Lagu Kebangsaan dimainkan” menggantikan “Apabila Lagu Kebangsaan di-mainkan”	perenggan 6(1)(xxiv)
	2. Perkataan “bilamana versi ringkas atau versi pendek dimainkan” menggantikan “apabila naskhah ringkas atau naskhah pendek di-mainkan”	perenggan 6(1)(xxiv)
	3. Dibahagikan kepada subseksyen 8(1) dan (2) dengan perubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(xiii) dan (xxiv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
subseksyen 8(2)	1. Dinomborkan semula sebagai subseksyen 8(3)	perenggan 6(1)(xii)
	2. Perkataan “Mana-mana orang” menggantikan “Barang siapa”	perenggan 6(1)(xv)
	3. Perkataan “dengan disedarinya menunjukkan sikap tidak hormat terhadap Lagu Kebangsaan” menggantikan “dengan mengetahui menunjukkan tidak hormat kepada Lagu Kebangsaan”	perenggan 6(1)(xxiv)
	4. Perkataan “di mana-mana tempat awam boleh, apabila disabitkan,” menggantikan “di-mana <sup>2</sup> tempat ‘awam boleh-lah”	perenggan 6(1)(iii)
	5. Perkataan “didenda tidak melebihi” menggantikan “bolehlah di-kenakan denda tidak lebeh daripada”	subperenggan 6(1)(iv)(b)
	6. Perkataan “dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi” menggantikan “penjara sa-lama tempoh tidak lebeh daripada”	subperenggan 6(1)(iv)(b)
subseksyen 8(3)	1. Dinomborkan semula dan dibahagikan kepada perenggan 8(4)(a) dan (b) dengan pengubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(xii), (xiii) dan (xxiv)
	2. Perkataan “kegagalan mematuhi” menggantikan “kemungkiran mematuhi”	perenggan 6(1)(xxa)
	3. Perkataan “subseksyen (1)” menggantikan “peruntukan sekshen kechil (1)”	perenggan 6(1)(xxi) dan (xxa)
	4. Perkataan “tanpa sebab” menggantikan “dengan tiada sebab”	perenggan 6(1)(xxi)
	5. Perkataan “peninggalan yang berkecenderungan untuk merendahkan prestij” menggantikan “ketinggalan yang mungkin merendahkan kemuliaan”	perenggan 6(1)(xxa)
	6. Perkataan “hendaklah merupakan sikap tidak hormat” menggantikan “ada-lah menjadi suatu pertunjukan tidak hormat”	perenggan 6(1)(xv) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa untuk meminda
seksyen 9	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dalam nota bahu, perkataan <b>“Menangkap tanpa waran”</b> menggantikan <b>“Tangkap dengan tiada waran”</b></li> <li>2. Perkataan “Seseorang pegawai polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang melanggar seksyen 8 dalam kehadiran pegawai polis itu melainkan jika orang itu memberikan nama dan alamatnya dan memuaskan hati pegawai itu bahawa dia akan menjawab dengan sewajarnya apa-apa saman atau prosiding lain yang akan diambil terhadapnya.” menggantikan “Mana<sup>2</sup> pegawai polis boleh menangkap dengan tiada waran mana<sup>2</sup> orang yang melakukan kesalahan dalam penglihatan-nya terhadap peruntukan<sup>2</sup> seksyen 8 melainkan jika orang itu memberi nama dan ‘alamat-nya dan memuaskan hati pegawai itu bahawa ia akan patoh mematuhi dengan sempurna-nya kepada apa<sup>2</sup> saman atau lain<sup>2</sup> tindakan yang akan di-ambil terhadap-nya”</li> </ol>	<p>Kuasa untuk meminda</p> <p>perenggan 6(1)(xxa)</p> <p>perenggan 6(1)(xv) dan (xxa)</p>
seksyen 10	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dalam nota bahu, perkataan <b>“Pindaan Jadual”</b> menggantikan <b>“Pindaan bagi Jadual”</b></li> <li>2. Perkataan “melalui perintah” menggantikan “dengan perentah”</li> <li>3. Perkataan “menggantikan” menggantikan “mengganti”</li> </ol>	<p>perenggan 6(1)(xv)</p> <p>perenggan 6(1)(xxa)</p> <p>perenggan 6(1)(xv)</p>
Jadual	Perkataan “LAGU KEBANGSAAN MALAYSIA” menggantikan “NASKHAH PENUH ATAU NASKHAH DIRAJA”	perenggan 6(1)(xxiv)